



KERAJAAN MALAYSIA

KEMENTERIAN PENDIDIKAN

DOKUMEN TENDER

UNTUK

[FTA(CPTPP)] TENDER PERKHIDMATAN MEMBEKAL DAN MENGHANTAR  
LOKAR KE SEKOLAH YANG BEROPERASI SECARA DUA SESI BAWAH  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM) TAHUN 2024 :  
ZON X (.....)  
(Maklumat Lanjut Sila Layari Laman Sesawang:  
[www.moe.gov.my/perolehan/tender/tawaran-tender](http://www.moe.gov.my/perolehan/tender/tawaran-tender))

BAHAGIAN PEROLEHAN  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
ARAS 5, BLOK E2, KOMPLEKS E  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62604 PUTRAJAYA

**NO. TENDER  
TENDER PERKHIDMATAN MEMBEKAL DAN MENGHANTAR LOKAR KE  
SEKOLAH YANG BEROPERASI SECARA DUA SESI BAWAH KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM) TAHUN 2024**

ZON	NO. TENDER
<b>Zon 1</b> : Selangor A	QT240000000008231
<b>Zon 2</b> : Selangor B	QT240000000008238
<b>Zon 3</b> : Selangor C	QT240000000008244
<b>Zon 4</b> : Johor dan Negeri Sembilan	QT240000000008247
<b>Zon 5</b> : Kedah, Perak, Pulau Pinang, Terengganu, Pahang dan Kuala Lumpur	QT240000000008230
<b>Zon 6</b> : Sabah dan Sarawak	QT240000000008255

**KANDUNGAN**

1. **KENYATAAN TENDER**
2. **SYARAT-SYARAT, ARAHAN DAN DAN PENJELASAN BERHUBUNG DENGAN TENDER**
3. **SPESIFIKASI**
4. **SENARAI SEMAK UNTUK PEMATUHAN TEKNIKAL**
5. **SENARAI SEMAK UNTUK PEMATUHAN KEWANGAN**
6. **SURAT SETUJU TERIMA**
7. **SALINAN KONTRAK**
8. **SURAT AKUAN PEMBIDA**

## **1. KENYATAAN TENDER**

Semua pembida hendaklah mematuhi semua syarat-syarat yang telah ditetapkan dalam dokumen pelawaan ini, melainkan setakat mana syarat-syarat tersebut ditolak atau diubah oleh pihak Kerajaan.

### **1.1 Tujuan Tender**

- (a) Pelawaan tender ini adalah untuk mendapatkan Perkhidmatan Membekal Dan Menghantar Lokar Ke Sekolah Yang Beroperasi Secara Dua Sesi Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) Tahun 2024;
- (b) Tawaran tender ini adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MoF) dan tempoh pendaftarannya masih berkuat kuasa bawah kod bidang:

**020101: Perabot, Peralatan Pejabat, Hiasan Dalam dan Aksesori di bawah Bidang, Sub-Bidang dan Pecahan Sub-Bidang Perabot, Perabot Makmal dan Kelengkapan Berasaskan Kayu/ Logam/Fabrik/Plastik.**

- (c) Perolehan perkhidmatan ini dibuat secara Tender Terbuka melalui Sistem ePerolehan (eP).

### **1.2 Tempoh Tender**

- (a) Tempoh perngiklanan tender bagi perkhidmatan ini adalah selama **42 hari** kalender bermula pada **25 Mac 2024** dan tarikh tutup tender adalah pada **6 Mei 2024**. Dokumen tender boleh dimuat turun melalui laman sesawang rasmi KPM iaitu [www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my).

- (b) Tawaran Kewangan dan Tawaran Teknikal hendaklah dikunci masuk (*key in*) dalam Sistem eP sebelum atau pada jam 12.00 tengah hari pada tarikh tutup tender. Cadangan Tender yang dikemukakan **selepas jam 12.00 tengah hari** tidak akan dipertimbangkan.
- (c) Walau bagaimanapun, Kerajaan berhak untuk membatalkan tender ini pada bila-bila masa sekiranya perlu dan tidak terikat untuk memberi sebarang sebab atau penjelasan. Sebarang kos yang terpaksa ditanggung oleh pihak pembida kerana urusan tender ini adalah menjadi tanggungjawab pihak pembida dan KPM tidak akan bertanggungjawab terhadap perkara tersebut.

## **2. SYARAT-SYARAT, ARAHAN DAN DAN PENJELASAN BERHUBUNG DENGAN TENDER**

### **2.1 SYARAT-SYARAT AM**

Pembida hendaklah mematuhi sepenuhnya syarat-syarat di bawah ini apabila menyertai tawaran. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat boleh mengakibatkan tawaran tersebut tidak dipertimbangkan dan terus ditolak. Keputusan Pihak Berkuasa Melulus (PBM) adalah muktamad.

Pembida hendaklah memastikan kriteria kelayakan penyertaan syarikat kepada perolehan yang diiklankan sama ada tertakluk/tidak tertakluk kepada *Free Trade Agreements* (FTA) dalam mengemukakan tawaran. Tawaran daripada pembida dalam kalangan negara FTA yang menyertai perolehan yang tidak tertakluk kepada FTA tidak akan dipertimbangkan.

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah terpakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau

diubah dengan khususnya oleh Pembida.

**(a) KEADAAN BARANG**

Semua barang yang dibekalkan hendaklah tulen, baharu dan belum digunakan.

**(b) PENGENALAN BARANG**

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang-barang itu, jika berkenaan, hendaklah ditunjukkan.

**(c) PERAKUAN MENYATAKAN PENENTUAN TELAH DIPATUHI**

Pembida dikehendaki memperakui bahawa bekalan/perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut penentuan spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan dalam pelawaan ini.

**(d) PENENTUAN KOD ITEM**

- (i) Pembida hendaklah mengenal pasti kod item bagi bekalan/perkhidmatan yang ditawarkan sebagai persediaan untuk penyediaan Surat Setuju Terima (SST) sekiranya berjaya.
- (ii) Sila rujuk garis panduan penentuan kod item yang boleh dicapai melalui Portal ePerolehan <http://home.eperolehan.gov.my/>.
- (iii) Kod item wajib dikunci masuk oleh Pembida yang berjaya semasa menyetuju terima tawaran Kerajaan.

**(e) BARANG-BARANG SETARA**

Pembida boleh membuat tawaran bagi barang setara yang sesuai, dengan syarat butir-butir penuh diberi.

**(f) BARANG EX-STOK ATAU BARANG MALAYSIA**

- (i) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan.
- (ii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh pembida dan segala kos yang terlibat ditanggung oleh pembida.

**(g) PERATURAN TEMPASAL (*RULES OF ORIGIN*)**

- (i) Bagi perolehan tertakluk kepada FTA, perolehan barang/perkhidmatan adalah mengguna pakai *Rules of Origin* (ROO) iaitu peraturan tempasal bagi menentukan sesuatu produk itu berasal dari negara tertentu bagi penentuan Keutamaan Harga (*Margin of Preference-MOP*).
- (ii) Pengiktirafan ROO adalah berdasarkan Sijil Tempasal (*Certificate of Origin – COO*) yang dikeluarkan oleh pihak yang berkuasa negara pengeksport bagi memperakui tempasal barang.

**(h) BARANG DIPESAN DARI LUAR NEGARA**

- (i) Barang-barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut norma perdagangan barang-barang itu dieksport dengan tidak dibungkus.

- (ii) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan.
- (iii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah digantikan oleh pembida dan segala kos yang terlibat ditanggung oleh pembida.

**(i) TAWARAN PEMBIDA**

- (i) Pembida dibenarkan untuk menawarkan harga untuk semua zon/negeri, sebahagian zon/negeri atau satu zon/negeri sahaja jika pelawaan adalah mengikut zon/negeri. Setiap tawaran bagi setiap zon/negeri akan dianggap sebagai tawaran berasingan.
- (ii) Pembida perlu menawarkan harga untuk semua item yang tersenarai, termasuk bagi tawaran sebahagian zon/negeri.
- (iii) Tawaran harga hendaklah mengambil kira kenaan fi perkhidmatan bagi perolehan yang dilaksanakan melalui Sistem eP.

**(j) HARGA**

- (i) Bagi perolehan yang tidak tertakluk kepada FTA dan tidak melibatkan barang import:
  - (1) Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun, kos tambahan yang berkaitan dan fi perkhidmatan Sistem eP. Sah laku tawaran adalah selama **270 hari** dari tarikh tutup. Sebarang tuntutan kenaikan harga dalam jangka masa sah laku tawaran tidak dipertimbangkan dan

tawaran pembida boleh ditolak; atau

(ii) Bagi perolehan yang tidak tertakluk kepada FTA dan melibatkan barang import:

(1) Bagi perolehan bernilai kurang daripada RM500 ribu, harga yang ditawarkan hendaklah berdasarkan kaedah *Cost, Insurance and Freight* (CIF) atau kaedah lain yang seumpamanya dalam *Incoterms* oleh *International Chamber of Commerce* (ICC) di mana pembida bertanggungjawab menguruskan pengangkutan/penghantaran daripada kilang terus kepada tempat penerimaan yang ditetapkan agensi (*door-to-door delivery*). Harga yang ditawarkan hendaklah termasuk semua diskaun, kos tambahan yang berkaitan, kos pengangkutan dan kos perlindungan insurans termasuk fi perkhidmatan Sistem eP.

(2) Bagi perolehan bernilai lebih daripada RM500 ribu, harga yang ditawarkan hendaklah berdasarkan kaedah *Free on Board* (FOB) atau kaedah lain seumpamanya dalam *Incoterms* oleh *International Chamber of Commerce* (ICC) di mana agensi bertanggungjawab menguruskan perkara berkaitan pengangkutan dan insurans. Harga yang ditawarkan hendaklah termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan, termasuk fi perkhidmatan Sistem eP.

(iii) Bagi perolehan yang tertakluk kepada FTA:

(1) Harga yang ditawarkan hendaklah berdasarkan kaedah *Cost, Insurance and Freight* (CIF) atau

kaedah lain seumpamanya dalam *Incoterms* oleh *International Chamber of Commerce* (ICC) di mana pembida bertanggungjawab menguruskan pengangkutan/ penghantaran daripada kilang terus kepada tempat penerimaan yang ditetapkan agensi (*door-to-door delivery*). Harga yang ditawarkan hendaklah termasuk semua diskaun, kos tambahan yang berkaitan, fi perkhidmatan Sistem eP, kos pengangkutan dan kos perlindungan insurans.

- (iv) Sah laku tawaran adalah selama **270 hari** dari tarikh tutup. Sebarang tuntutan kenaikan harga dalam jangka masa sah laku tawaran tidak dipertimbangkan dan tawaran pembida boleh ditolak.
- (v) Harga yang ditawarkan pembida juga adalah tertakluk kepada penentuan Keutamaan Harga (*Margin of Preference - MOP*) Syarikat Tempatan/Syarikat dari negara ahli FTA.

**(k) PERUBAHAN DAN PELANJUTAN TEMPOH KONTRAK**

Pelawaan tender ini boleh dipertimbangkan perubahan dan pelanjutan tempoh kontrak tidak melebihi 50% daripada nilai kontrak asal dan/atau maksimum dua (2) tahun tertakluk kepada peraturan semasa yang berkuat kuasa.

**(l) FI PERKHIDMATAN SISTEM ePEROLEHAN**

Fi perkhidmatan Sistem eP yang dikenakan ini adalah seperti yang termaktub dalam terma dan syarat bagi pendaftaran bawah Sistem eP. Klausu piawai mengenai kenaan fi perkhidmatan perlu dimasukkan dalam perjanjian dan perjanjian tambahan (*supplementary agreement*). Kadar fi perkhidmatan adalah

seperti berikut:

- (i) Kadar Fi Perkhidmatan 0.8% Bagi Kontrak Bukan Bermasa  
(*one-off*)

Kadar fi perkhidmatan sebanyak 0.8% dikenakan bagi setiap transaksi tertakluk kepada had maksimum berjumlah RM9,600 bagi transaksi yang bernilai RM1.2 juta atau lebih bagi perolehan atau kontrak yang melibatkan hanya sekali bayaran (*one-off payment*).

- (ii) Kadar Fi Perkhidmatan 0.4% Bagi Kontrak Bermasa  
(*multiple payment*)

Kadar fi perkhidmatan sebanyak 0.4% dikenakan bagi setiap transaksi tertakluk kepada had maksimum berjumlah RM4,800 bagi setiap transaksi bayaran yang bernilai RM1.2 juta atau lebih bagi kontrak yang melibatkan beberapa kali bayaran (*multiple payment*).

**(m) CUKAI**

- (i) Semua tawaran harga oleh pembida hendaklah dikemukakan dengan dinyatakan harga tawaran perkhidmatan tanpa Cukai Jualan atau Cukai Perkhidmatan. Sekiranya bekalan atau perkhidmatan tersebut termasuk dalam senarai yang dikenakan Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan dan pembida yang berjaya adalah syarikat berdaftar Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (CJCP) dengan Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (JKDM), maka Agensi Kerajaan perlu menawarkan nilai perolehan termasuk kenaan Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan.

- (ii) Pembida hendaklah memaklumkan Agensi supaya Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan boleh dibayar oleh Kerajaan. Kegagalan atau kelewatan pembida untuk memaklumkan kepada Kerajaan mengenai status Pendaftaran CJCP dengan JKDM akan menyebabkan pembida perlu menanggung CJCP dan tidak layak menuntut apa-apa bayaran daripada Kerajaan melalui kontrak yang dimeterai.

**(n) INSURANS**

Tiada apa-apa insurans atas barang-barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan dalam tender.

**(o) MATA WANG**

Tawaran harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

**(p) PERSETUJUAN PENERIMAAN TAWARAN**

- (i) Kerajaan tidak terikat untuk menyetuju terima tawaran tender yang terendah atau mana-mana tawaran. Kerajaan berhak untuk memilih keseluruhan atau sebahagian tawaran tender daripada mana-mana pembida yang menyertai tender.
- (ii) Kerajaan berhak untuk mengadakan perbincangan/rundingan lanjut dengan pembida yang disenarai pendek berhubung dengan terma-terma tertentu untuk tawaran yang akan disetuju terima. Hak Kerajaan untuk mengadakan rundingan tidak dalam apa-apa cara juga mengikat Kerajaan menyetujui terima keputusan rundingan.

- (iii) Kerajaan juga berhak untuk mengadakan bidaan dalam kalangan pembida yang disenarai pendek untuk tawaran yang akan disetuju terima.
- (iv) Kerajaan boleh mengemukakan penjelasan berhubung proses perolehan (*debriefing*) ke atas mana-mana permohonan daripada pembida secara rasmi melalui surat/e-mel kepada agensi dalam tempoh lima (5) hari mulai tarikh keputusan PBM dipaparkan dalam portal MyPROCUREMENT.
- (v) Keputusan Kerajaan adalah muktamad tertakluk kepada bantahan yang diterima.
- (vi) Tindakan tatatertib boleh diambil oleh Kerajaan terhadap pembida yang menarik balik tawaran sebelum tawaran dipertimbangkan atau pembida yang menolak tawaran setelah SST dikeluarkan oleh Kerajaan atau pembida tidak membekal atau memberi perkhidmatan setelah mengembalikan SST yang telah ditandatangani.

**(q) IKLAN DAN PUBLISITI**

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana tender boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Kerajaan terlebih dahulu.

**(r) BON PELAKSANAAN**

- (i) Bagi kontrak bekalan/perkhidmatan, pembida yang berjaya hendaklah mengembalikan SST yang telah lengkap diisi dan ditandatangan beserta Bon Pelaksanaan dalam tempoh yang ditetapkan yang nilainya adalah seperti berikut:

- (1) 2.5% daripada jumlah harga kontrak bagi kontrak bekalan atau perkhidmatan yang bernilai melebihi RM200,000.00 hingga RM500,000.00; atau
- (2) 5% daripada jumlah harga kontrak bagi kontrak bekalan atau perkhidmatan yang bernilai melebihi RM500,000.00.
- (3) Bagi kontrak bermasa yang berkuat kuasa dalam tempoh dua (2) tahun atau lebih, peratus dan pengiraan nilai Bon Pelaksanaan hendaklah dikira mengikut anggaran harga kontrak setahun sahaja. Jika setelah dibahagikan mengikut setahun, nilai harga kontrak adalah kurang daripada RM200,000.00, maka kadar 2.5% hendaklah dikenakan. Walau bagaimanapun, Bon Pelaksanaan yang dikemukakan oleh Pembida hendaklah meliputi keseluruhan tempoh kontrak bermasa.
- (4) Bon Pelaksanaan hendaklah dikemukakan dalam Ringgit Malaysia (RM) dari bank-bank atau institusi-institusi kewangan yang dibenarkan oleh MoF sama ada dalam bentuk:
  - (a) Jaminan Bank/Syarikat Kewangan yang dikeluarkan oleh bank-bank/syarikat kewangan berlesen bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758] yang beroperasi di Malaysia;
  - (b) Jaminan Bank Islam yang dikeluarkan oleh bank-bank berlesen bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758] yang beroperasi di Malaysia;

- (c) Jaminan Insurans yang dikeluarkan oleh syarikat insurans yang berlesen bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758] yang beroperasi di Malaysia;
  - (d) Jaminan Takaful yang dikeluarkan oleh Syarikat Takaful yang berlesen bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758] yang beroperasi di Malaysia; atau
  - (e) Jaminan yang dikeluarkan oleh Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) dan Bank Perusahaan Kecil & Sederhana Malaysia (SME Bank).
- (5) Tempoh sah laku jaminan tersebut hendaklah dari tarikh ianya dikeluarkan sehingga 12 bulan selepas tarikh tamat kontrak atau selepas obligasi terakhir, mengikut mana yang terkemudian.
- (6) Bon pelaksanaan perlu dikemukakan dalam tempoh yang ditetapkan seperti mana yang dinyatakan dalam SST.

**(s) TAFSIRAN**

Tender ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan Pembida bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai tender ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

**(t) PEMERIKSAAN**

- (i) Kerajaan sentiasa berhak melantik seorang pegawai untuk memeriksa dan menguji bekalan itu semasa tempoh pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan bekalan tersebut kepada pihak Kerajaan. Agensi adalah bertanggungjawab memastikan bekalan yang diterima adalah sama/lebih baik seperti spesifikasi pada kontrak/pesanan. Jika terdapat kerosakan/kekurangan, Pembida hendaklah menggantikan jumlah yang rosak/kurang itu dalam tempoh yang ditetapkan dalam kontrak yang dimeterai tanpa sebarang tambahan kos.
- (ii) Pembida hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki oleh pihak Kerajaan.
- (iii) Semua perbelanjaan untuk memeriksa dan menguji ini hendaklah ditanggung oleh Pembida.

**(u) PENOLAKAN BARANG/PERKHIDMATAN**

- (i) Bekalan/perkhidmatan yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada bekalan/perkhidmatan yang telah dipersetujui dalam tawaran Pembida boleh ditolak oleh pihak Kerajaan.
- (ii) Apabila diminta, Pembida hendaklah menyebabkan bekalan/perkhidmatan yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Kerajaan segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai bekalan/perkhidmatan yang ditolak itu.

- (iii) Perkara di perenggan (i) dan (ii) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak Kerajaan untuk mendapatkan ganti rugi kerana kegagalan memenuhi obligasi kontrak.

**(v) KUANTITI TAWARAN/KUANTITI TAMBAHAN**

Kerajaan boleh memesan kuantiti tambahan dalam tempoh kontrak dari tarikh kontrak ditandatangani dan Pembida hendaklah membekalkannya dengan harga yang sama.

**2.2 ARAHAN KEPADA PEMBIDA**

Arahan kepada Pembida ini dalam mana mempengaruhi pelaksanaan kontrak hendaklah menjadi sebahagian daripada kontrak.

**(a) PENYEDIAAN DAN PENYERAHAN CADANGAN TAWARAN**

- (i) Pembida hendaklah mengisi dengan lengkap cadangan tawaran termasuk memuat naik semua dokumen sokongan dan lampiran wajib yang disenaraikan dalam Sistem eP serta menyerahkannya secara dalam talian sebelum tarikh dan waktu tutup pelawaan tender pada ruangan yang ditetapkan. Kegagalan mematuhi syarat ini boleh menyebabkan tawaran ditolak.
- (ii) Pembida adalah dilarang menulis, mencatatkan dan meletakkan cap nama dan memuat naik tanda syarikat dalam dokumen sokongan/lampiran pada dokumen teknikal yang dikemukakan secara dalam talian. Sekiranya berbuat demikian, cadangan tawaran tidak akan dipertimbangkan dan akan ditolak.
- (iii) Semua dokumen yang diserahkan oleh Pembida hendaklah dalam Bahasa Melayu. Pembetulan dan pindaan boleh

dibuat ke atas cadangan tawaran dan dikemas kini sebelum tarikh dan masa tutup pelawaan. Pembida hanya dibenarkan menghantar **SATU (1) tawaran sahaja** bagi cadangan yang ditawarkan. Tawaran alternatif adalah tidak dibenarkan.

- (iv) Bagi tawaran yang memerlukan penghantaran sampel produk, Pembida hendaklah memastikan ianya dihantar sebelum tarikh tutup. Setiap sampel fizikal yang dikemukakan wajib dilekatkan dengan label yang dijana dari Sistem eP. Sampel yang dihantar tanpa label eP tidak akan dipertimbangkan.
- (v) Kerajaan akan membuat pemberitahuan kepada Pembida sekiranya terdapat apa-apa notis atau pindaan (addendum) berkaitan pelawaan ini dalam portal rasmi Sistem eP. Setiap notis atau pindaan (addendum) yang dilakukan akan diberi notifikasi oleh sistem kepada Pembida dan menjadi sebahagian daripada dokumen tawaran.
- (vi) Pembida bertanggungjawab memastikan penyerahan dokumen dalam talian berjaya dibuat. Kerajaan tidak akan bertanggungjawab terhadap kegagalan Pembida melaksanakan penyerahan dokumen dalam talian. Sekiranya salah satu syarat tidak dipatuhi, maka cadangan tawaran tender tersebut tidak akan dipertimbangkan.

**(b) PERBELANJAAN PENYEDIAAN CADANGAN TAWARAN**

Semua perbelanjaan bagi penyediaan cadangan tawaran ini hendaklah ditanggung oleh pembida sendiri.

**(c) TEMPOH SAH LAKU TAWARAN**

Tempoh sah laku tawaran adalah selama 270 hari daripada tarikh tutup tender sebagaimana yang ditetapkan dalam notis pelawaan. Pembida yang telah menyerahkan cadangan tawaran tidak dibenarkan menarik diri dalam tempoh tersebut.

**(d) TAWARAN PILIHAN**

Setiap Pembida tidak dibenarkan membuat tawaran pilihan (*alternative offer*) bagi mana-mana butiran yang dikunci masuk. Jika terdapat tawaran pilihan, Kerajaan berhak menolak kesemua tawaran yang dikemukakan.

**(e) PENJELASAN BERHUBUNG PROSES PEROLEHAN  
KERAJAAN (*DEBRIEFING*)**

Pembida boleh mengemukakan permohonan *debriefing* secara rasmi melalui surat/ e-mel kepada agensi dalam tempoh lima (5) hari mulai tarikh keputusan PBM dipaparkan dalam portal MyPROCUREMENT. Agensi hendaklah mengemukakan maklum balas kepada Pembida secara rasmi (e-mel, surat dan lain-lain) selewat-lewatnya lima (5) hari selepas menerima permohonan daripada Pembida.

**(f) BANTAHAN KEPADA SPESIFIKASI DAN PROSEDUR  
SEMAKAN DOMESTIK (*DOMESTIC REVIEW PROCEDURE*)**

- (i) Bagi perolehan tidak tertakluk FTA, bantahan rasmi secara bertulis yang disertai dengan butir-butir lengkap dan bukti-bukti yang kukuh berkaitan dengan penentuan Spesifikasi Teknikal yang menjurus kepada sesuatu jenama (jenis) tertentu boleh dibuat oleh Pembida dalam tempoh 10 hari daripada tarikh iklan. Bantahan hendaklah dialamatkan

kepada urus setia tender.

- (ii) Bagi perolehan yang tertakluk kepada FTA, aduan atau bantahan rasmi secara bertulis yang disertai dengan butir-butir lengkap dan bukti-bukti yang kukuh berkaitan perolehan Kerajaan boleh dibuat oleh Pembida dalam tempoh 10 hari mulai tarikh iklan atau 10 hari mulai tarikh pemakluman keputusan tender dalam portal MyPROCUREMENT. Bantahan hendaklah di alamatkan kepada urus setia tender.
- (iii) Bantahan yang diterima selepas tempoh tersebut tidak akan dipertimbangkan.

**(g) PEMBATALAN PELAWAAN**

Kerajaan berhak untuk membatalkan mana-mana pelawaan yang telah diiklankan pada bila-bila masa. Sebarang kos yang terpaksa ditanggung oleh pihak Pembida kerana pembatalan ini adalah menjadi tanggungjawab pihak Pembida.

**(h) PEMBERITAHUAN PENERIMAAN**

- (i) Pemberitahuan kepada Pembida yang berjaya mendapat tawaran Kerajaan akan dibuat melalui pengeluaran SST dalam Sistem eP.
- (ii) Surat berkenaan mungkin mengandungi apa-apa syarat atau pindaan tambahan kepada syarat yang disertakan pada dokumen ini dan jika demikian, tawaran ini tidak boleh dianggap sebagai telah dipersetujui melainkan pengesahan bertulis daripada Pembida tentang persetujuannya terhadap syarat/pindaan tambahan itu diterima.

- (iii) Apabila dipersetujui, kontrak dianggap sebagai telah dibuat antara Kerajaan dengan Pembida itu menurut syarat yang disertakan (termasuk syarat tambahan dan pindaan) dan tiada perjanjian atau syarat lain dianggap sebagai telah dimasukkan dalam kontrak ini.

**(i) TEMPOH KONTRAK**

Tempoh kontrak adalah **12 bulan**.

**(j) PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH**

- (i) Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.
- (ii) Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawar atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat SPMR atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan bawah Akta SPRM 2009.
- (iii) Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan Pembida atau Pembida boleh diambil tindakan sekiranya Pihak-Pihak terlibat dengan kesalahan rasuah bawah Akta SPRM 2009.

(iv) Mana-mana Pembida atau Pembida yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini, walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barang dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi, dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan bawah Akta SPRM 2009.

**(k) INTEGRITI DALAM PEROLEHAN KERAJAAN**

- (i) Perkara ini adalah merujuk kepada Pekeling Perbendaharaan/Perolehan Kerajaan melalui PP/PK 1.6: Integriti Dalam Perolehan Kerajaan.
- (ii) Kesemua Pembida yang menghantar dokumen hendaklah menandatangani Surat Akuan Pembida (nama penandatangan akuan hendaklah seperti mana yang disenaraikan dalam Modul Pendaftaran Pembida Sistem eP) yang mengandungi pengakuan bahawa:
  - (1) Pembida tidak akan menawar atau memberi rasuah sebagai sogokan untuk mendapatkan kontrak.
  - (2) Kesemua maklumat tawaran dan lampiran yang dikemukakan adalah benar dan tepat.
  - (3) Sekiranya Pembida didapati memberikan maklumat palsu atau sengaja menyorok (*withhold*) atau tidak memberikan mana-mana maklumat yang memberikan kesan negatif terhadap keupayaannya, tawarannya akan ditolak dan tindakan tatatertib akan diperakukan terhadapnya.

- (4) Pembida yang berjaya dan telah dilantik secara rasmi oleh pihak Kerajaan juga dikehendaki menandatangani Surat Akuan Pembida Berjaya bahawa ia tidak akan memberi rasuah sebagai ganjaran kerana mendapatkan kontrak.

**(l) PERINGATAN MENGENAI PAKATAN HARGA**

Sekiranya didapati Pembida terlibat dalam membuat pakatan harga dengan syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses perolehan maka tindakan penarikan balik tawaran kontrak, penamatan kontrak dan lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib boleh diambil mengikut undang-undang/peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat kuasa.

**(m) PERTANYAAN**

**Pertanyaan Mengenai Pelawaan Tender**

Semua pertanyaan mengenai pelawaan hendaklah disalurkan kepada Urus Setia Tender seperti berikut:

Bahagian Perolehan  
Aras 5, Blok E2, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62604 Wilayah Persekutuan Putrajaya

**(i) Tender untuk Zon 1 dan Zon 2**

Nama	:	Puan Nurul Aqilah binti Makhtar
E-mel	:	aqilah.makhtar@moe.gov.my
No. Tel	:	03-8884 6883

**(ii) Tender untuk Zon 3 dan Zon 4**

Nama	:	Puan Widyawati binti Abdul Rani
E-mel	:	widyawati.rani@moe.gov.my
No. Tel	:	03-8884 6970

**(iii) Tender untuk Zon 5 dan Zon 6**

Nama	:	Encik Muhammad Nur Aiman bin Rahmat
E-mel	:	m.nuraiman@moe.gov.my
No. Tel	:	03-8884 9239

**Pertanyaan Mengenai Spesifikasi Tender**

Semua pertanyaan mengenai spesifikasi tender hendaklah disalurkan kepada Pemilik Program seperti berikut:

Bahagian Pengurusan Sekolah Harian  
Aras 4, Blok E2, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62604 Wilayah Persekutuan Putrajaya

- (i) Nama : Encik Mohd Fakarudin bin Hussain  
E-mel : mfakarudin.hussain@moe.gov.my  
No. Telefon : 03-8884 9333
- (ii) Nama : Puan Juanita Lee  
E-mel : juanita.lee@moe.gov.my  
No. Telefon : 03-8884 9348

### **Pertanyaan Mengenai Teknikal Sistem ePerolehan**

Semua pertanyaan teknikal hendaklah disalurkan kepada:

Commerce Dot Com Sdn. Bhd.

Second Floor, Bangunan Amtek15, Jalan Tandang

46050 Petaling Jaya

Selangor

No. Tel. : 03-7985 7777

No. Faks : 03-7985 7800

Emel : bantuan@ePerolehan.gov.my ATAU

Pembida boleh mengunjungi Kaunter Pusat ePerolehan (KPeP) berdekatan. Sila rujuk lokasi KPeP di portal rasmi Sistem eP.

### **2.3 SYARAT-SYARAT KHAS**

#### **TERMA KONTRAK**

##### **(a) TAFSIRAN**

Tawaran ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan Pembida bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai tawaran ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

##### **(b) KONTRAK**

Semua syarat-syarat yang terkandung dalam dokumen atau di mana-mana Lampiran yang terdahulu bersama-sama dengan dokumen tawaran ini adalah merupakan sebahagian daripada kontrak yang akan ditandatangani di antara Kerajaan Malaysia

dan Pembida yang berjaya. Pembida yang berjaya dikehendaki menandatangani kontrak dengan Kerajaan dan membayar segala ganti rugi jika tidak memenuhi syarat-syarat kontrak. Sebarang bantahan kepada syarat-syarat kontrak hendaklah dibuat semasa mengemukakan cadangan tawaran.

**(c) NILAI KONTRAK**

- (i) Nilai keseluruhan Kontrak ini adalah sebagaimana dalam SST (kemudian daripada ini dirujuk sebagai "Nilai Kontrak") dan bagi maksud Kontrak ini dan tertakluk kepada pembida memenuhi semua terma-terma dan syarat-syarat dalam Kontrak ini, Kerajaan hendaklah sebagai ganjaran kepada pembekalan atau perkhidmatan yang dilaksanakan oleh Pembida, membuat pembayaran kepada Pembida mengikut Klausu Pembayaran yang telah dipersetujui.
- (ii) Pengiraan kepada Nilai Kontrak adalah berdasarkan kepada Jadual Harga yang dinyatakan. Nilai Kontrak yang dinyatakan adalah tetap dan tiada apa-apa kenaikan atau perubahan harga perkhidmatan boleh dibuat oleh Pembida kecuali jika telah dipersetujui secara bertulis oleh Kerajaan.
- (iii) Kerajaan tidak terikat untuk memenuhi/menggunakan sepenuhnya nilai kontrak (nilai/kuantiti) dalam tempoh kuat kuasa kontrak.

**(d) PENAMATAN KONTRAK OLEH KERAJAAN**

- (i) Keingkaran oleh Pembida - Dalam keadaan di mana Pembida, tanpa sebab-sebab yang munasabah:
  - (1) menghentikan atau menggantung daripada pelaksanaan dan gagal meneruskan pelaksanaan

obligasi-obligasinya bawah kontrak ini secara tetap dan tekun;

- (2) gagal melaksanakan obligasi bawah kontrak ini atau mengabaikan obligasi-obligasinya bawah kontrak ini secara berterusan;
- (3) melanggar mana-mana obligasinya atau gagal mematuhi mana-mana terma dan syarat kontrak ini,

maka Kerajaan hendaklah memberikan notis bertulis kepada Pembida dengan menyatakan butir-butir kegalannya dan meminta Pembida untuk membetulkan atau memperbaiki kegagalan tersebut dalam tempoh yang telah ditetapkan dalam kontrak dari tarikh notis tersebut. Sekiranya Pembida gagal membetulkan atau memperbaiki kegagalan tersebut dalam tempoh yang disebutkan atau tempoh lain yang ditentukan oleh Kerajaan, Kerajaan hendaklah berhak untuk menamatkan Kontrak ini pada bila-bila masa selepas memberikan notis penamatan kepada Pembida.

- (ii) Ingkar Am - Sekiranya pada bila-bila masa dalam tempoh Kontrak:

Jika Pembida itu sebagai:

- (1) orang perseorangan (atau apabila Pembida itu adalah sebuah perkongsian, mana-mana pekongsi) pada bila-bila masa dalam tempoh kontrak menjadi bankrap atau suatu perintah penerimaan atau perintah penghukuman dibuat terhadapnya atau Pembida telah membuat sesuatu penyelesaian atau perkiraan dengan atau bagi faedah pembiutang-pembiutang atau;

- (2) sebuah syarikat, pada bila-bila masa dalam tempoh kontrak;
- (3) satu perintah telah dibuat atau satu resolusi telah diluluskan bagi penggulungan syarikat, kecuali bagi tujuan penyusunan semula atau penyatuan yang tidak melibatkan pencairan aset di mana kepentingan pembiutang adalah terjamin;
- (4) syarikat dibubarkan atau seorang penerima, pengurus atau penyelesai sementara (*provisional liquidator*) telah dilantik ke atas aset syarikat atau syarikat membuat serah hak untuk manfaat pembiutang atau membuat penyelesaian atau perkiraan dengan pembiutang atau menghentikan pembayaran atau tidak berupaya untuk membayar hutangnya;
- (5) pelaksanaan terhadap sebahagian besar aset syarikat dikenakan levi melainkan ia telah dengan suci hati memulakan prosiding untuk mengenepikan pelaksanaan tersebut,

maka Kerajaan berhak menamatkan kontrak ini serta-merta dengan memberi notis kepada Pembida bagi tujuan tersebut dengan sentiasa bersyarat bahawa penamatan kontrak ini tidak akan menjaskan hak-hak lain Kerajaan untuk mendapatkan apa-apa ganti rugi yang terakru dalam kontrak ini.

- (iii) Dalam keadaan di mana kebankrapan atau penggulungan syarikat akan berlaku, pembida mengaku janji untuk memaklumkan Kerajaan dalam masa hari mengenai niatnya untuk diisyiharkan bankrap atau menggulung syarikat. Dalam keadaan tersebut, Pembida hendaklah

memberi nasihat kepada Kerajaan mengenai punca-punca lain bagi mendapatkan pembekalan barang berkenaan.

- (iv) Dalam keadaan di mana kontrak ini telah ditamatkan berdasarkan klausa di atas, Kerajaan hendaklah berhak menuntut daripada Pembida apa-apa kerugian atau ganti rugi akibat daripada penamatan ini dengan tidak menjelaskan apa-apa hak lain yang ada pada Kerajaan bawah kontrak ini.
- (v) Penamatan tersebut hendaklah tidak menjelaskan atau memprejudiskan hak-hak Pihak-Pihak yang telah wujud sebelum penamatan kontrak ini dan obligasi-obligasi berkaitan dengan apa-apa tindakan, perkara atau perbuatan yang berlaku sebelum penamatan bawah kontrak ini hendaklah berterusan walaupun selepas penamatan kontrak ini.

**(e) PENAMATAN KONTRAK ATAS KESALAHAN RASUAH,  
KEGIATAN-KEGIATAN TIDAK SAH ATAU MENYALAHI  
UNDANG-UNDANG**

- (i) Tanpa prasangka kepada apa-apa hak lain Kerajaan, sekiranya pembekal, kakitangan pengkhidmat atau pekerjanya disabitkan oleh Mahkamah terlibat dengan rasuah, aktiviti tidak sah atau apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang yang berkaitan dengan perjanjian ini atau apa-apa perjanjian-perjanjian lain yang dimasuki oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia, Kerajaan hendaklah berhak untuk menamatkan perjanjian ini pada bila-bila masa dengan mengemukakan notis bertulis dengan serta merta kepada pembekal untuk menyatakan sedemikian kepada pembekal.

- (ii) Kerajaan berhak menuntut daripada pembekal apa-apa bentuk pampasan, kos, ganti rugi, kerosakan dan perbelanjaan (termasuk apa-apa kos perbelanjaan sampingan) yang ditanggung oleh Kerajaan akibat daripada penamatan itu.
- (iii) Pihak-Pihak bersetuju bahawa pembekal tidak berhak kepada apa-apa bentuk kerugian termasuk kerugian perolehan pendapatan, pampasan, ganti rugi, kos, perbelanjaan dan sebagainya akibat daripada penamatan itu.

**(f) PENAMATAN KONTRAK ATAS KEPENTINGAN NEGARA**

- (i) Tidak tertakluk kepada mana-mana peruntukan dalam Kontrak ini, Kerajaan berhak menamatkan Kontrak ini pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis tidak kurang daripada 30 hari kepada Pembida (tanpa perlu memberi apa-apa sebab) sekiranya Kerajaan berpendapat penamatan itu perlu dilaksanakan atas kepentingan negara, kepentingan keselamatan negara atau bagi tujuan polisi Kerajaan atau polisi awam.
- (ii) Bagi maksud klausa ini, perkara yang berjumlah kepada "kepentingan negara", "kepentingan keselamatan negara", "polisi Kerajaan" dan "polisi awam" hendaklah diputuskan oleh Kerajaan sahaja dan keputusan itu adalah muktamad dan tidak boleh dicabar.
- (iii) Bagi mengelakkan sebarang keraguan, Pihak-Pihak bersetuju bahawa Pembida tidak berhak untuk menuntut sebarang kerugian termasuk kehilangan perolehan pendapatan, pampasan, tuntutan, gantirugi atau

sebagainya atas penamatan Kontrak ini.

**(g) POTONGAN PEMBAYARAN**

Tidak Berkenaan.

**(h) TERMA PEMBAYARAN**

Pembayaran bagi semua perkara dan skop kerja yang ditawarkan mestilah dalam Ringgit Malaysia (RM) sahaja. Harga ini mestilah sah laku dalam 270 hari daripada tarikh tutup tawaran.

**(i) FI PERKHIDMATAN SISTEM ePEROLEHAN**

(i) Tambahan fi perkhidmatan untuk bermasa.

(1) Kontrak Bermasa (*multiple payment*)

Kadar fi perkhidmatan yang dikenakan bagi Pembida yang berjaya adalah sebanyak 0.4% bagi setiap transaksi tertakluk kepada had maksimum berjumlah RM4,800.00 bagi setiap transaksi bayaran yang bernilai RM1.2 juta atau lebih.

(ii) perkhidmatan akan dikenakan ke atas nilai invois selepas ditolak amaun bayaran balik pendahuluan/terimaan royalti/potongan penalti/denda LAD /tolakan.

**(j) BON PELAKSANAAN**

Bagi kontrak bekalan/perkhidmatan, Pembida yang berjaya hendaklah mengemukakan SST dan Bon Pelaksanaan yang nilainya adalah seperti berikut:

- (i) 2.5% daripada jumlah harga kontrak bagi kontrak bekalan atau perkhidmatan yang bernilai melebihi RM200 ribu hingga RM500 ribu.
- (ii) 5% daripada jumlah harga kontrak bagi kontrak bekalan atau perkhidmatan yang bernilai melebihi RM500 ribu.
- (iii) Bagi kontrak bermasa yang berkuat kuasa dalam tempoh dua (2) tahun atau lebih, peratus dan pengiraan nilai Bon Pelaksanaan hendaklah dikira mengikut anggaran harga kontrak setahun sahaja. Jika setelah dibahagikan mengikut setahun, nilai harga kontrak adalah kurang daripada RM200 ribu, maka kadar 2.5% hendaklah dikenakan. Walau bagaimanapun, bon pelaksanaan yang dikemukakan oleh pembekal hendaklah meliputi keseluruhan tempoh kontrak bermasa.
- (iv) Bon Pelaksanaan hendaklah dikemukakan dalam Ringgit Malaysia (RM) dari bank-bank atau institusi-institusi kewangan yang dibenarkan oleh MoF sama ada dalam bentuk:
  - (1) Jaminan Bank/Syarikat Kewangan yang dikeluarkan oleh bank-bank/syarikat kewangan berlesen bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758] yang beroperasi di Malaysia; atau
  - (2) Jaminan Bank Islam yang dikeluarkan oleh bank berlesen bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [Akta 759] yang beroperasi di Malaysia; atau
  - (3) Jaminan Insurans yang dikeluarkan oleh syarikat insurans yang berlesen bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758] yang beroperasi di

Malaysia; atau

- (4) Jaminan Takaful yang dikeluarkan oleh Syarikat Takaful yang berlesen bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [Akta 759] yang beroperasi di Malaysia; atau
- (5) Jaminan yang dikeluarkan oleh Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) dan Bank Perusahaan Kecil & Sederhana Malaysia (SME Bank).
- (v) Tempoh sah laku jaminan tersebut hendaklah dari tarikh ianya dikeluarkan sehingga 12 bulan selepas tarikh tamat kontrak atau selepas obligasi terakhir, mengikut mana yang terkemudian.
- (vi) Bon Pelaksanaan boleh dilepaskan setelah segala obligasi kontrak selesai dan dilaksanakan dengan memuaskan. Surat Pelepasan (*Letter of Discharge*) bagi Jaminan Bank/Jaminan Syarikat Kewangan/Jaminan Bank Islam/Jaminan Insurans/Jaminan Takaful hendaklah dikemukakan kepada Bank/Syarikat Kewangan/Bank Islam/Syarikat Insurans/Syarikat Takaful. Salinan asal atau satu salinan yang telah disahkan oleh Ketua Jabatan hendaklah disimpan oleh Agensi sebagai rekod.
- (vii) Bon pelaksanaan perlu dikemukakan dalam tempoh yang ditetapkan seperti mana yang dinyatakan dalam SST.

**(k) TEMPOH PEMBEKALAN**

Tempoh Pembekalan adalah selama **120 hari** atau apa-apa tempoh yang ditetapkan daripada tarikh Pesanan Kerajaan seperti yang dinyatakan dalam SST.

**(I) SENARAI DAN LOKASI PEMBEKALAN**

Pembida dikehendaki melaksanakan kerja-kerja membekal lokar mengikut lokasi dan kuantiti yang dinyatakan dalam **Senarai Lokasi Penghantaran** atau **berdasarkan kuantiti yang dipesan melalui Pesanan Kerajaan**.

**(m) PEMBAYARAN**

- (i) Tuntutan pembayaran hendaklah dikemukakan kepada **Jabatan Pendidikan Negeri/Pejabat Pendidikan Daerah yang mengeluarkan Pesanan Kerajaan** dalam masa **14 hari** daripada tarikh bekalan disempurnakan.
- (ii) Pembida hanya boleh membuat tuntutan bagi pembekalan yang telah **selesai** dilaksanakan di lokasi sahaja.
- (iii) Pembayaran akan dibuat berdasarkan kadar harga seperti di **Jadual Harga**.
- (iv) Pembayaran untuk tiap-tiap tuntutan bekalan/perkhidmatan yang telah disempurnakan akan dibuat dalam tempoh **14 hari** dari tarikh penerimaan dokumen lengkap dan tiada perkara-perkara berbangkit (kuri dokumen).
- (v) Dokumen sokongan lengkap yang mesti dikemukakan oleh pihak Pembida kepada **Jabatan Pendidikan Negeri/Pejabat Pendidikan Daerah yang mengeluarkan Pesanan Kerajaan** semasa membuat tuntutan pembayaran adalah seperti berikut:
  - (a) Invois
  - (b) Sijil Akuan Penerimaan (SAP)

**(c) DENDA/TOLAKAN/LIQUIDATED ASCERTAINED DAMAGES  
(LAD)**

(i) Pembida dikehendaki melaksanakan pembekalan barang/perkhidmatan dalam tempoh yang ditetapkan dan kualiti bekalan/perkhidmatan tersebut hendaklah memuaskan hati serta memenuhi kehendak Kerajaan setelah pesanan/arahan dikeluarkan oleh Kerajaan. Sekiranya Pembida gagal melaksanakan pembekalan barang/perkhidmatan dalam tempoh dan/atau kualiti yang ditetapkan, Kerajaan berhak membatalkan pesanan/arahan yang dikeluarkan dan/atau mengenakan \*Denda/Tolakan/*Liquidated & Ascertained Damages* (LAD) mengikut kadar yang termaktub dalam kontrak.

(ii) Kadar bagi kenaan LAD untuk bekalan/perkhidmatan (keseluruhan perolehan gagal disempurnakan) adalah seperti berikut:

$$(BLR + 1\%) \times (\text{Nilai Kontrak} / 365) \times (\text{bilangan hari lewat})$$

(iii) Kadar bagi denda untuk bekalan/perkhidmatan (sebahagian perolehan gagal disempurnakan) adalah seperti berikut:

$$\frac{V(T + D)}{T} \times 5\%$$

T

V: Nilai harga peralatan yang lewat dibekalkan;

T: Tempoh bekalan mengikut kontrak dalam hari; dan

D: Bilangan hari yang lewat.

(iv) Kerajaan berhak untuk melantik mana-mana pihak ketiga bagi melaksanakan dan menyempurnakan apa-apa tugas atau tanggungjawab yang gagal disempurnakan oleh

Pembida dalam tempoh yang ditetapkan dengan apa-apa kos yang terlibat ditanggung sepenuhnya oleh Pembida.

- (v) Sekiranya Kerajaan mendapati Pembida masih gagal meremedikan atau menyempurnakan perlaksanaan tugas dan tanggungjawab bawah kontrak ini selepas tempoh yang ditetapkan, Kerajaan adalah berhak untuk menamatkan kontrak ini menerusi satu Notis Penamatan kepada Pembida.

**(d) TEMPOH KONTRAK**

Tempoh kontrak ini akan berkuat kuasa untuk tempoh selama **12 bulan** iaitu bermula dari tarikh yang dinyatakan dalam SST.

**(e) ADDENDA/PINDAAN**

Apa-apa perkara dalam perjanjian ini boleh dipinda dan sebarang perubahan, modifikasi, penambahan, pembatalan atau pindaan hendaklah dipersetujui secara bertulis oleh kedua-dua pihak dan boleh dilakukan dari semasa ke semasa.

**(f) KERAHSIAAN**

- (i) Kecuali dibenarkan secara bertulis oleh Kerajaan, Pembida dan kakitangan, pekerja atau ejennya hendaklah pada bila-bila masa tidak mendedahkan kepada mana-mana orang atau badan atau entiti, sebarang maklumat sulit yang dimaklumkan kepadanya bagi tujuan pelaksanaan Kontrak ini atau diketahui olehnya dalam pelaksanaan Kontrak ini. Pembida dan kakitangan, pekerja atau ejennya juga tidak boleh mendedahkan kepada umum sebarang maklumat berkenaan cadangan, penilaian dan pandangan yang timbul daripada pelaksanaan Kontrak ini. Pembida dan

kakitangan, pekerja atau ejennya tidak boleh membuat atau menyebabkan sebarang kenyataan media dibuat berkaitan dengan Kontrak ini tanpa kelulusan Kerajaan.

- (ii) Semua maklumat termasuk maklumat terperingkat dan data-data berkaitan ketenteraan dan maklumat operasi (jika ada) yang dibekalkan oleh Kerajaan berhubung Kontrak ini tidak boleh didedahkan oleh Pembida kepada orang lain (pihak ketiga). Pembida adalah bertanggungjawab mematuhi peraturan-peraturan keselamatan yang berkaitan dengan maklumat terperingkat yang diuruskan olehnya dan memastikan pengendalian maklumat terperingkat tersebut adalah mengikut darjah keselamatan yang diberi kepadanya.
- (iii) Klausa ini hendaklah terus berkuat kuasa walaupun setelah Kontrak ini luput atau ditamatkan atas apa-apa sebab.

**(g) HARTA INTELEK**

- (i) Semua hak cipta dan hak harta intelek yang lain bagi barang yang dibekalkan oleh Pembida bawah Kontrak ini hendaklah menjadi hak Kerajaan dan Pembida tidak boleh pada bila-bila masa atau semasa tamat tempoh atau penamatan Kontrak ini dalam apa-apa juga cara sekalipun mempersoal atau mempertikai hak Kerajaan. Hak harta intelek bawah klausa ini hendaklah terletak pada Kerajaan yang bebas daripada semua lien, tuntutan dan bebanan.
- (ii) Pembida hendaklah bertanggungjawab bagi apa-apa tuntutan jika barang yang dibekalkan melanggar paten, hak cipta atau reka bentuk berdaftar.
- (iii) Pembida hendaklah melindung dan menanggung rugi

Kerajaan terhadap apa-apa tuntutan bagi perlanggaran apa-apa paten, hak cipta atau reka bentuk berdaftar berkenaan barang yang dibekalkan bawah Kontrak ini dan terhadap semua kos di mana Kerajaan perlu menanggung bagi perlanggaran itu atau mana-mana tindakan yang berkaitan yang perlu bagi Kerajaan bertanggungjawab.

- (iv) Jika penggunaan atau pemilikan oleh Kerajaan berkemungkinan membawa kepada apa-apa perlanggaran hak harta intelektual, maka Pembida hendaklah secara serta-merta dan atas tanggungannya sendiri mendapatkan untuk Kerajaan hak untuk terus menggunakan atau memiliki barang tersebut atau mengubah suai atau menggantikan barang tersebut untuk mengelakkan daripada perlanggaran hak harta intelektual (dalam keadaan ini, Pembida hendaklah mengganti rugi kerugian langsung atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Kerajaan semasa pengubahsuaian atau penggantian itu).
- (v) Jika alternatif-alternatif dalam klausa di atas tidak dapat disempurnakan atas sebab-sebab tertentu,maka Pembida hendaklah mengambil balik barang dan membuat bayaran balik kepada Kerajaan.

**(h) IKLAN**

Pembida tidak boleh tanpa kelulusan bertulis Kerajaan terlebih dahulu mengiklankan atau memberi kuasa atau kebenaran kepada mana-mana orang untuk mengiklankan Kontrak ini dalam sebarang akhbar, majalah atau sebarang jenis pengiklanan lain.

**(i) PENEPIAN**

- (i) Kegagalan Kerajaan atau Pembida menguatkuasakan mana-mana hak, remedi atau peruntukan bawah Kontrak ini pada bila-bila masa, tidak akan terjumlah kepada suatu penepian, melainkan ia telah dibuat secara bertulis terlebih dahulu kepada pihak yang satu lagi.
- (ii) Sebarang penepian oleh Kerajaan hendaklah dibuat secara bertulis dan hendaklah dirujuk, dipersetujui dan ditandatangani oleh Ketua Setiausaha atau pegawai yang diberi kuasa olehnya secara bertulis.
- (iii) Sebarang penepian oleh pembida hendaklah dibuat secara bertulis dan hendaklah dirujuk, dipersetujui dan ditandatangani oleh pembida atau wakil yang diberi kuasa olehnya secara bertulis.

**(j) KONTRAK KECIL/SUBKONTRAK**

- (i) Pembida tidak boleh membuat kontrak kecil/mensubskontrakan Kontrak ini atau apa-apa bahagiannya kepada mana-mana pihak lain tanpa terlebih dahulu mendapat persetujuan bertulis daripada Kerajaan.
- (ii) Jika Kontrak ini atau mana-mana bahagian daripadanya diberi kontrak kecil/mensubkontrakan kepada mana-mana pihak lain dengan persetujuan bertulis Kerajaan, Pembida bersetuju tanpa syarat untuk terus bertanggungjawab secara berterusan dan secara sendiri dan peribadi bagi memastikan sub-kontraktor mematuhi terma dan syarat dalam Kontrak ini.

- (iii) Sebarang isu yang timbul antara Pembida dan sub-kontraktor mengenai Kontrak ini atau hal-hal lain adalah di luar tanggungjawab Kerajaan.

**(k) SERAH HAK ATAU NOVASI**

Pembida tidak boleh, tanpa kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada Kerajaan, menyerah hak, memindahkan, menggadai janji, menggadai atau mempertanggungkan kepada pihak ketiga semua atau sebahagian daripada obligasi, manfaat atau liabiliti daripada atau yang mungkin terbit daripada Kontrak ini.

**(l) PENYELESAIAN PERTIKAIAN**

- (i) Sebarang pertikaian antara Pihak-Pihak dengan apa-apa perkara bawah Kontrak ini (kecuali berkaitan dengan Kerajaan menjalankan budi bicara mutlak bawah Kontrak ini) boleh dirujuk kepada sebuah jawatankuasa penyelesaian pertikaian (dengan ini dirujuk sebagai "Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian") yang terdiri daripada:

- (1) Ketua Setiausaha, Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai Pengurus atau mana-mana pegawai yang dilantik dan diberi kuasa sewajarnya secara bertulis;
- (2) seorang (1) wakil yang dilantik oleh Kerajaan; dan
- (3) seorang (1) wakil yang dilantik oleh pembida.

- (ii) Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian boleh melantik seorang pakar bebas dalam bidang yang berkaitan atau seorang pakar bebas untuk setiap bidang yang berkaitan (sekiranya terdapat lebih daripada satu bidang) untuk

memberikan nasihat ke atas apa-apa perkara yang dirujuk kepadanya dan segala kos, yuran dan perbelanjaan pakar bebas yang dilantik tersebut akan ditanggung secara sama rata antara kedua-dua Pihak.

- (iii) Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian akan menentukan prosedurnya sendiri. Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian hendaklah berusaha untuk mencapai suatu penyelesaian secara aman antara Pihak-Pihak apa-apa perkara yang dirujuk kepadanya.
- (iv) Sekiranya sebarang perkara, pertikaian atau tuntutan yang dirujuk kepada Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian tidak boleh dipersetujui oleh Pihak-Pihak yang berkenaan dalam masa 30 hari selepas tarikh rujukan dibuat, mana-mana Pihak boleh merujuk perkara, pertikaian atau tuntutan tersebut kepada timbangtara.
- (v) Setiap ahli Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian termasuk Pengurus, masing-masing akan mempunyai satu undi.
- (vi) Sebarang keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian akan mengikat Pihak-Pihak.

**(m) TIMBANGTARA**

- (i) Dalam keadaan di mana Kerajaan dan Pembida gagal menyelesaikan apa-apa pertikaian secara aman, mana-mana pihak boleh merujuk pertikaian ini kepada timbangtara. Rujukan tersebut hendaklah dianggap sebagai persetujuan untuk ke timbangtara bawah Akta Timbangtara 2005.

- (ii) Untuk tujuan timbangtara, klausa-klausa yang berikut hendaklah terpakai:
- (1) Prosiding timbangtara hendaklah dikendalikan berdasarkan Peraturan-Peraturan Pusat Timbangtara Serantau Kuala Lumpur (*Kuala Lumpur Regional Arbitration Centre*);
  - (2) Satu (1) Penimbangtara akan dilantik oleh Pengarah Pusat Timbangtara Serantau Kuala Lumpur;
  - (3) Tempat timbangtara dijalankan adalah di Pusat Timbangtara Serantau Kuala Lumpur menggunakan kemudahan dan sistem yang disediakan di pusat tersebut;
  - (4) Bahasa yang akan digunakan dalam prosiding timbangtara ialah Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris;
  - (5) Undang-undang yang terpakai untuk kontrak ini ialah Undang-undang Malaysia; dan
  - (6) Keputusan penimbangtara adalah muktamad dan mengikat kedua-dua pihak.
- (iii) Obligasi pihak-pihak bawah Kontrak ini hendaklah terus berkuat kuasa walaupun rujukan dibuat kepada timbangtara atau sepanjang tempoh prosiding timbangtara berlangsung.

**(n) *FORCE MAJEURE***

- (i) Kerajaan dan Pembida tidak akan dikira sebagai memungkiri sebarang obligasi bawah Kontrak ini sekiranya

ia tidak dapat memenuhi obligasinya bawah Kontrak ini (atau apa sahaja bahagian daripadanya) akibat daripada kejadian *Force Majeure* kecuali obligasi untuk membuat sebarang bayaran. Kejadian *Force Majeure* bermaksud:

- (1) Peperangan (sama ada diisyihar atau tidak), pertempuran, penaklukan, tindakan musuh asing
  - (2) Pemberontakan, revolusi, rampasan kuasa, perang saudara atau tindakan pengganas;
  - (3) Bencana alam semula jadi termasuk, tetapi tidak terhad kepada, gempa bumi, banjir dan kebakaran spontan bawah tanah atau apa-apa kuasa semula jadi yang secara munasabahnya seseorang yang berpengalaman tidak dijangka dapat mengambil langkah berjaga-jaga.
  - (4) Letupan nuklear, pencemaran radioaktif atau bahan kimia atau radiasi;
  - (5) Gelombang tekanan disebabkan oleh pesawat atau apa-apa peranti aerial yang bergerak di udara pada kelajuan sonik atau supersonic;
  - (6) Rusuhan, kekecohan atau kekacauan awam kecuali jika hanya melibatkan pekerja, kakitangan atau ejen Pembida; dan
  - (7) Sebab-sebab atau bahaya-bahaya yang lain di luar kawalan pihak-pihak.
- 
- (ii) Jika kejadian *Force Majeure* tersebut menyebabkan salah satu pihak tidak mampu melaksanakan apa-apa obligasinya

bawah Kontrak ini (atau apa sahaja bahagian daripadanya) yang terjejas akibat daripada kejadian *Force Majeure* tersebut, pihak tersebut hendaklah memaklumkan pihak yang satu lagi dengan segera dalam masa 14 hari secara bertulis dari tarikh mula berlakunya kejadian *Force Majeure* tersebut dengan butiran terperinci serta kesannya kepada Kontrak ini serta langkah-langkah yang telah diambil bagi mengelakkan sebarang kelewatan.

- (iii) Sekiranya Pembida ingin memohon sebarang perlanjutan masa, Pembida dikehendaki mengemukakan kepada Kerajaan segala bukti yang cukup dan diperlukan tentang kejadian tersebut dan kesannya ke atas tempoh pelaksanaan obligasi bawah Kontrak ini. Kerajaan berhak untuk menjalankan penyiasatan terhadap kelewatan tersebut dan setelah berpuas hati bahawa kelewatan tersebut adalah berpunca dari *Force Majeure* yang sah maka tempoh pelaksanaan obligasi bawah Kontrak ini akan dilanjutkan selama tempoh yang sama kepada tempoh pelaksanaan obligasi yang diberi bawah Kontrak ini telah terjejas.
  
- (iv) Jika salah satu pihak mempertimbangkan bahawa kejadian *Force Majeure* tersebut akan bertambah teruk atau akan terus berlanjutan untuk satu tempoh yang akan memberi kesan kepada kegagalan niat asal Kontrak ini, maka Pihak-Pihak boleh bersetuju bahawa Kontrak ini akan ditamatkan atas persetujuan bersama.
  
- (v) Jika Kontrak ini ditamatkan akibat kejadian *Force Majeure* berdasarkan klausa di atas, semua hak dan obligasi pihak-pihak bawah Kontrak ini hendaklah terhenti dan tiada pihak boleh membuat sebarang tuntutan kepada pihak yang satu

lagi dan masing-masing tidak bertanggungan terhadap satu sama lain melainkan berkaitan apa-apa hak dan liabiliti yang terakru sebelum berlakunya kejadian *Force Majeure* tersebut.

- (vi) Tiada pihak berhak menggunakan mana-mana peruntukan dalam klausa ini sekiranya pihak-pihak telah menentukan secara munasabah bahawa kejadian *Force Majeure* tidak berlaku.
- (vii) Bagi mengelakkan sebarang keraguan, Pihak-Pihak akan terus melaksanakan mana-mana obligasi yang tidak terjejas, tertunda atau terganggu oleh kejadian *Force Majeure* dan obligasi tersebut hendaklah terus berkuat kuasa sepenuhnya sementara menunggu pelaksanaan peruntukan klausa ini.
- (viii) Dengan syarat sentiasa, klausa ini tidak akan terpakai bagi mana-mana kerosakan jentera atau mesin, pembetulan apa-apa kecacatan atau kekurangan pada jentera atau mesin, kekurangan pekerja atau ejen Pembida atau pembetulan proses pelaksanaan obligasi oleh Pembida yang dilakukan bagi tujuan Kontrak ini.

### **3. SPESIFIKASI**

Item	Spesifikasi
<b>Lokar</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Jenis Bahan: Plastik ABS (Acrylonitrile, Butadiene, &amp; Styrene) – <b>MANDATORI</b> (Pelabelan jenis atau kategori plastik)</li> <li>2. Dimensi Dalam (internal dimension): di antara 30 – 38 CM (W) X 34 - 39 CM (H) X 39 - 49 CM (D) – <b>MANDATORI</b></li> <li>3. Dimensi Luar (external dimension): di antara 31 - 39 CM (W) X 35 - 40 CM (H) X 40 - 50 CM (D) – <b>MANDATORI</b></li> <li>4. Tahan impak tinggi, tahan calar, tidak mudah karat (bagi komponen yang dibuat daripada besi), kalis air dan kelembapan serta tidak menyerap bau. – <b>MANDATORI</b></li> <li>5. Boleh disusun secara bertingkat (<i>interlocking system</i>) mengikut kesesuaian ruang – <b>MANDATORI</b></li> <li>6. Reka bentuk tanpa skru/bolt (<i>boltless</i>). – <b>MANDATORI</b></li> <li>7. Cadangan warna lokar adalah terhad kepada tiga (3) warna sahaja;</li> <li>8. Dilabelkan “<b>HAK MILIK KERAJAAN MALAYSIA</b>” dicap dengan dakwat kekal di bahagian hadapan lokar– <b>MANDATORI</b></li> <li>9. Keupayaan untuk menampung beban sehingga 20KG - <b>MANDATORI</b></li> <li>10. Mempunyai ciri keselamatan seperti boleh dikunci (<i>build-in lock</i>) – <b>MANDATORI</b></li> <li>11. Waranti produk dan perkhidmatan selama satu (1) tahun dari tarikh lokar dibekalkan - <b>MANDATORI</b></li> </ol>
<b>Lain-lain</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Brosur/Risalah (dalam <b>Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris sahaja</b>);</li> <li>2. Pensijilan kualiti atau pengiktirafan produk. Sila lampirkan sijil (<b>jika ada</b>); dan</li> </ol>

Item	Spesifikasi
	3. Pengalaman Syarikat dengan Kerajaan Persekutuan (Bilangan Kontrak yang pernah diikat)

#### **4. SENARAI SEMAK UNTUK PEMATUHAN TEKNIKAL**

- 4.1 Pembida dikehendaki mengunci masuk (*key-in*) maklumat Cadangan Teknikal, memuat turun (*download*) contoh dokumen teknikal yang telah disediakan dan memuat naik dokumen teknikal yang lengkap ke dalam Sistem eP.
- 4.2 Pembida hendaklah menyerahkan cadangan tersebut secara dalam talian (*online*).
- 4.3 Maklumat yang perlu dilengkapskan oleh pembida dalam Sistem eP adalah seperti berikut:
  - (a) Pembida dinasihatkan menyerahkan Cadangan Teknikal dalam Sistem eP secara dalam talian lebih awal bagi mengelakkan sebarang komplikasi. KPM tidak akan bertanggungjawab jika tawaran tender oleh Pembida tidak tersenarai dalam Sistem eP.

Bil.	Maklumat/Dokumen	Tindakan oleh Pembida
i.	Jadual Spesifikasi (borang dalam talian)	<ul style="list-style-type: none"><li>• <b>WAJIB</b> kunci masuk perincian bagi setiap spesifikasi dalam ruangan <b>catatan/Supplier Remark</b>.</li></ul>
ii.	Pengalaman Syarikat dengan Kerajaan Persekutuan	<ul style="list-style-type: none"><li>• Sila kemaskini rekod kontrak dengan Kerajaan Malaysia melalui sistem ePerolehan bawah Modul Pembekal.</li></ul>

<b>Bil.</b>	<b>Maklumat/Dokumen</b>	<b>Tindakan oleh Pembida</b>
iii.	Pensijilan/Pengiktirafan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Muat naik (<b>sekiranya ada</b>)</li> <li>• Sijil yang dimuat naik hendaklah <b>dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris sahaja.</b></li> </ul>
iv.	Brosur/Risalah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Lokar yang ditawarkan hendaklah disertakan dengan brosur/risalah yang lengkap dengan lukisan teknikal dan spesifikasi.</li> <li>• Brosur/risalah hendaklah di <b>dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris sahaja.</b></li> </ul>
v.	Skop Perkhidmatan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Lihat/Untuk Perhatian</li> </ul>

## **5. SENARAI SEMAK UNTUK PEMATUHAN KEWANGAN**

- 5.1 Petender dikehendaki mengunci masuk (*key-in*) maklumat Cadangan Kewangan, memuat turun (*download*) contoh dokumen kewangan yang telah disediakan dan memuat naik (*upload*) dokumen kewangan yang lengkap ke dalam Sistem eP.
- 5.2 Pembida hendaklah menyerahkan cadangan tersebut secara dalam talian (*online*).
- 5.3 Maklumat yang perlu dilengkapkan adalah seperti berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Dokumen</b>	<b>Tindakan</b>	
		<b>ROC</b>	<b>ROB</b>
i.	Jadual Harga (borang dalam)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kunci masuk perincian maklumat harga tawaran ke dalam sistem eP.</li> </ul>	

<b>Bil.</b>	<b>Dokumen</b>	<b>Tindakan</b>	
		<b>ROC</b>	<b>ROB</b>
	talian)		
ii.	Aset dan Liabiliti	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kunci masuk perincian ke dalam sistem eP.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Opsyenal</li> </ul> <p>* Sila klik “SELESAI” tanpa mengisi apa-apa maklumat</p>
iii.	Kunci Kira-kira Tahunan (Nota – untuk syarikat ROC, ini mestilah salinan yang telah diaudit)	<ul style="list-style-type: none"> <li><b>WAJIB</b> dimuat naik ke dalam sistem eP.</li> <li>Disahkan oleh Juruaudit Bertauliah sahaja. Pengesahan oleh Setiausaha syarikat tidak diterima.</li> <li>Pastikan jumlah yang dikunci masuk ke dalam Sistem eP adalah sama dengan jumlah yang tercatat di dalam kunci kira-kira.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Opsyenal</li> </ul> <p>* Sila klik “SELESAI” tanpa mengisi apa-apa maklumat</p>
iv.	Maklumat Aset dan Liabiliti	<ul style="list-style-type: none"> <li>Muat Turun</li> <li>Lengkapkan. Tandatangan dan cap syarikat.</li> <li><b>WAJIB</b> dimuat naik ke dalam sistem eP.</li> </ul> <p>* Jika tidak mempunyai apa-apa maklumat berkaitan dokumen ini, sila nyatakan “TIADA” pada borang ini dan perlu dimuat naik semula</p>	

<b>Bil.</b>	<b>Dokumen</b>	<b>Tindakan</b>	
		<b>ROC</b>	<b>ROB</b>
v.	Penyata Bank untuk tiga bulan (bulan Disember 2023, Januari 2024 dan Februari 2024)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kunci masuk perincian maklumat baki akhir penyata bank ke dalam sistem eP.</li> </ul>	
vi.	Pengesahan dari institusi kewangan untuk tiga bulan penyata bank (bulan Disember 2023, Januari 2024 dan Februari 2024)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Muat Turun (Borang Penyata Bulanan Akaun Bank)</li> <li>Lengkapkan. Tandatangan dan cap syarikat dan bank.</li> <li><b>WAJIB</b> dimuat naik ke dalam sistem eP.</li> </ul>	
vii.	Salinan Penyata Bank (bulan Disember 2023, Januari 2024 dan Februari 2024)	<ul style="list-style-type: none"> <li><b>WAJIB</b> dimuat naik ke dalam sistem eP.</li> </ul>	
viii.	Kemudahan Kredit (Overdraft, Pinjaman Bank)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kunci masuk perincian maklumat ke dalam sistem eP.</li> </ul> <p>* Sila klik “SELESAI” tanpa mengisi apa-apa maklumat jika tidak berkaitan</p>	
ix.	Pengesahan dari Institusi Kewangan ke atas jumlah yang telah dibayar	<ul style="list-style-type: none"> <li><b>WAJIB</b> dimuat naik bagi yang mempunyai kemudahan kredit.</li> </ul> <p>* Sila klik “SELESAI” tanpa mengisi apa-apa maklumat jika tidak berkaitan</p>	
x.	Laporan Bank/Institusi Kewangan Mengenai Kemudahan Kredit	<ul style="list-style-type: none"> <li>Muat Turun</li> <li>Lengkapkan. Tandatangan dan cap syarikat serta bank/institusi kewangan.</li> <li><b>WAJIB</b> dimuat naik ke dalam sistem eP.</li> </ul>	

<b>Bil.</b>	<b>Dokumen</b>	<b>Tindakan</b>	
		<b>ROC</b>	<b>ROB</b>
		<p>* Jika tidak mempunyai apa-apa maklumat berkaitan dokumen ini, sila nyatakan “TIADA” pada borang ini dan perlu dimuat naik semula</p>	
xi.	Laporan Bank/Institusi Kewangan mengenai Maklumat Simpanan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Muat Turun</li> <li>• Lengkapkan. Tandatangan dan cap syarikat serta bank/institusi kewangan.</li> <li>• <b>WAJIB</b> dimuat naik ke dalam sistem eP.</li> </ul> <p>* Jika tidak mempunyai apa-apa maklumat berkaitan dokumen ini, sila nyatakan “TIADA” pada borang ini dan perlu dimuat naik semula</p>	
xii.	Pengalaman Syarikat Dengan Bukan Kerajaan Persekutuan (Jumlah (RM) Kontrak yang pernah diikat)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kunci masuk perincian maklumat ke dalam sistem eP.</li> </ul>	
xiii.	Salinan Surat Setuju Terima (SST) Pengalaman Syarikat Dengan Bukan Kerajaan Persekutuan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>WAJIB</b> dimuat naik ke dalam sistem eP.</li> </ul>	
xiv.	Salinan Laporan Audit bagi tahun kewangan (bagi syarikat	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>WAJIB</b> dimuat naik ke dalam sistem eP.</li> <li>• Laporan Tahunan Yang Diaudit iaitu tahun 2020, 2021 dan 2022.</li> <li>• Disahkan oleh Juruaudit Bertauliah.</li> </ul>	

<b>Bil.</b>	<b>Dokumen</b>	<b>Tindakan</b>	
		<b>ROC</b>	<b>ROB</b>
	sendirian berhad)		
xv.	Salinan Penyata Cukai Pendapatan Borang B (LHDN): Individu Pemastautin yang Menjalankan Perniagaan di bawah Seksyen Cukai Pendapatan 1967  (bagi syarikat Enterprise sahaja)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>WAJIB</b> dimuat naik ke dalam sistem eP.</li> <li>• Lampirkan Penyata Cukai yang mengandungi pengisyiharan pendapatan perniagaan untuk tahun 2020, 2021 dan 2022.</li> <li>• Lampiran hendaklah mempunyai semua muka surat termasuk slip pengesahan LHDN.</li> </ul>	
xvi.	Perakuan dan Pengesahan oleh Pembida	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Muat Turun</li> <li>• Lengkapkan. Tandatangan dan cap syarikat.</li> <li>• <b>WAJIB</b> dimuat naik ke dalam sistem eP.</li> </ul>	
xvii.	Borang Pengisyiharan Maklumat Syarikat Dalam Perolehan Kerajaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Muat Turun</li> <li>• Lengkapkan. Tandatangan dan cap syarikat.</li> <li>• <b>WAJIB</b> dimuat naik ke dalam sistem eP.</li> </ul>	
xviii.	Penyata Caruman Majikan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>WAJIB</b> dimuat naik ke dalam sistem eP.</li> </ul>	

<b>Bil.</b>	<b>Dokumen</b>	<b>Tindakan</b>	
		<b>ROC</b>	<b>ROB</b>
xix.	Surat Pengesahan Pendaftaran dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) mengikut Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969, Jadual Caruman Bulanan (Borang 8A) dan Resit Bayaran Caruman terbaru	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>WAJIB</b> dimuat naik ke dalam sistem eP.</li> </ul>	
xx.	Borang KWSP, PERKESO Majikan dan Maklumat Akaun Bank Kontraktor	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Muat Turun</li> <li>• Lengkapkan. Tandatangan dan cap syarikat.</li> <li>• <b>WAJIB</b> dimuat naik ke dalam sistem eP.</li> </ul>	
xxi.	Senarai Lokasi Penghantaran dan Kuantiti	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Muat turun</li> <li>• Lengkapkan. Tandatangan dan cap syarikat</li> <li>• <b>WAJIB</b> dimuat naik ke dalam sistem eP.</li> <li>• Seperti yang dikunci masuk dalam eP.</li> </ul>	
xxii.	Sijil Pematuhan Cukai ( <i>Tax Compliance Certificate TCC</i> )	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>WAJIB</b> dimuat naik ke dalam sistem eP.</li> </ul>	

- 5.4 Pembida dinasihatkan menyerahkan Cadangan Kewangan Sistem eP secara dalam talian lebih awal bagi mengelakkan sebarang komplikasi. KPM tidak akan bertanggungjawab jika tawaran tender oleh Pembida tidak tersenarai dalam Sistem eP.

## **6. SURAT SETUJU TERIMA**

- 6.1 Pembida yang berjaya akan dimaklumkan melalui SST. Pembida yang berjaya adalah terikat dengan tempoh dan skop perkhidmatan yang telah ditetapkan dalam SST yang akan ditandatangani oleh kedua-dua pihak.
- 6.2 Tempoh penyerahan semula SST yang telah ditandatangani oleh pembida adalah **tidak melebihi tiga (3) hari** kalender selepas penerimaan SST oleh Pembida. Kegagalan Pembida menyerah kembali SST yang telah ditandatangani **dalam tempoh tiga (3) hari** boleh mengakibatkan pembatalan SST oleh Kerajaan.

## **7. SALINAN KONTRAK**

- 7.1 SST adalah dianggap sebagai dokumen perundangan yang sah dan merupakan sebahagian daripada dokumen perjanjian antara Kerajaan dan Pembida yang berjaya sehingga Dokumen Perjanjian rasmi dimeterai oleh kedua-dua pihak.
- 7.2 Semua syarat yang terkandung dalam dokumen tender adalah merupakan sebahagian daripada perjanjian yang akan ditandatangani di antara Kerajaan dan Pembida yang berjaya. Pembida yang berjaya dikehendaki menandatangani perjanjian dengan pihak Kerajaan dan membayar segala ganti rugi jika tidak memenuhi syarat-syarat perjanjian.
- 7.3 Format perjanjian yang akan digunakan antara pihak Kerajaan dan Pembida berjaya bagi tender ini adalah berdasarkan format perjanjian

sebagaimana yang dilampirkan dalam sistem eP. Mana-mana Pembida yang tidak bersetuju dengan mana-mana syarat dalam kontrak itu boleh membuat bantahan semasa membuat tawaran tender.

## **8. SURAT AKUAN PEMBIDA**

- 8.1 Pembida hendaklah mengisi Surat Akuan Pembida secara dalam talian (*online*) dalam Sistem eP.
  
- 8.2 Surat Akuan Pembida adalah seperti dilampirkan dalam sistem eP.